

ASLI gerakkan perkumpulan tokoh korporat tempatan.

UM - 9 AUGUSTO 2003

KUALA LUMPUR 8 Ogos — Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) kini menghimpunkan ratusan tokoh korporat ternama tempatan dalam kumpulan yang digelar sebagai **Corporate Malaysia Roundtable**.

Dalam kenyataannya, ASLI menyifatkan penubuhan kumpulan berkenaan sebagai 'jambatan' yang menghubungkan kerajaan dan komuniti ahli perniagaan untuk membangunkan ekonomi dalam semangat pen-swastaan Malaysia.

Menurut ASLI, penubuhannya juga bertujuan mempromosi kepimpinan korporat yang beretika selain mencipta formula ke arah menghadapi cabaran globalisasi serta liberalisasi dan meningkatkan daya tahan korporat tempatan.

Pengerusi AmBank, Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Telekom Malaysia Bhd., Tan Sri Ir. Muhammad Radzi Mansor dan Pengerusi Eksekutif Konsortium Logistik Berhad, Mirzan Mahathir diberi kepercayaan untuk 'mengepalai' kumpulan itu.

Kumpulan itu juga mem-

bariskan 13 ahli lembaga kumpulan itu antaranya ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Pian Sukro, CEO Kumpulan Southern Steel Bhd. (SSB), Tan Tat Wai dan Naib Pengerusi Eksekutif Tan Sri Dr. Chua Hock Chin Road Builder (M) Holdings Bhd.

Di samping itu, kumpulan berkenaan turut dianggotai oleh majlis penasihat yang terdiri daripada tujuh ahli antaranya Penasihat Khas kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Pengerusi Kumpulan Kuok, Robert Kuok dan Pengerusi Globe Silk Store, Tan Sri Kishu Tirathrai.

Sementara itu, anggota pengasas kumpulan itu pula terdiri daripada puluhan ahli profesional ternama seperti Presiden General Electric Company (GE) Asia Tenggara, Stuart Dean, Pengarah Urusan Naza, Tan Sri Sm Nasimuddin Sm Amin serta Pengerusi Island & Peninsular Bhd. (I&P), Datuk Mohd. Zuki Kamaluddin.